

Silat memanglah seni bela diri rumpun Melayu yang kian terkenal di persada dunia. Namun ia sebenarnya suatu disiplin membina peribadi luhur. Laporan MOHD RAMAN DAUD

Silat bina akhlak mulia

BERSILAT bukan sekadar seni bela diri bahkan ilmu untuk menakat atau menghuraikan permasalahan hidup.

Malah tiada 'kunci mati' dalam silat. Setiap yang terkunci, ada cara membukanya.

Demikianlah antara mitos yang ditangkis dalam forum sempena Acara Marantau anjuran Persatuan Minangkabau Singapura dan Taman Warisan Melayu pada lewat petang 14 Jun lalu.

DUA PENDEKAR

Pendekar dalam masyarakat Minangkabau bererti orang yang menggunakan akal untuk mengatasi masalah, berfikir bagi mencari jalan keluar yang paling baik dan bukan menggunakan kekerasan.

Forum itu menampilkan dua tokoh persilatan atau pendekar dari Indonesia, Encik Edwin Hidayat Abdullah dan Encik Edwel Yusri Datuk Rajo Gampo Alam.

Forum dipengerusikan oleh Dr Saiful Nizam Subari, seorang doktor perubatan tempatan dan juga pesilat.

Encik Edwin, 44 tahun, merupakan tokoh korporat terkenal di Indonesia dan meraih ijazah sarjana pengurusan dalam kursus anjuran Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan Universiti Harvard.

Beliau terlibat dalam penyusunan perbankan Indonesia (Ibra) ketika zaman reformasi selepas kejatuhan Presiden Suharto (1921-2008).

Lewat bukunya yang terkemuka, *Keajaiban Silat Kaedah Ilmu Kehidupan dalam Gerakan Mematikan (2014)* dan laman sawangnya, <http://www.edwinhabdullah.com/>, beliau berkeliling nusanya dan dunia untuk mengajarkan falsafah persilatan.

Bukunya sering dinilai bukan sekadar mengungkap erti persilatan untuk bela diri, bahkan dinilai bersifat motivasi atau bina semangat.

Silat yang juga disebut pencak atau keduwa sekali iaitu 'pencak silat' memang berasal dari rantau rumpun Melayu. Antara dua daerah yang cukup terkenal ialah Minangkabau dan Jawa.

FALSAFAH HIDUP

Namun, keduwa tokoh ini menegaskan bahawa tujuan silat bukan menunjukkan kehebatan diri untuk bertanding atau beradu. Paling utama, ia mencerminkan falsafah hidup.

Setiap langkah, jurus dan gerak yang diatur mencerminkan strategi dalam menghadapi apa jua rintangan, kata Encik Edwel, 51 tahun, ketua atau guru besar Silek (Silat) Harimau Minangkabau di Jakarta. Beliau merupakan generasi kelima dalam keluarga silat.

Beliau adalah sarjana lulusan Universiti Muhammadiyah Jakarta dan pernah menjadi antara juara silat di peringkat Indonesia dan Asean.

Seperti 'adiknya' Pak Edwin, Pak Edwel juga seorang tokoh korporat dan terlibat dalam melatih pasukan tentera Indonesia (Kopassus - Komando Pasukan



BERFORUM DAN BERSILAT: Dua jaguh disiplin silat dari Indonesia, Encik Edwin Hidayat Abdullah (*atas*) dan Edwel Yusri Dt Rajo Gampo Alam (*kanan*) menegaskan bahawa falsafah seni pertahanan diri rumpun Melayu bukan sekadar membela diri tetapi membina akhlak mulia. - Foto-foto ihsan EDWIN HIDAYAT ABDULLAH dan EDWEL YUSRI DT RAJO GAMPO ALAM.

Khusus) dari segi seni bela diri, termasuk British. Kepakarannya sering membawanya ke negara-negara Barat untuk mengupas ilmu silat.

Menurut Pak Edwel, silat membolehkan seseorang bersifat membina dalam mencari rumus kepada masalah kehidupan.

Beliau juga juruatur silat untuk perfileman seperti filem *Marantau*.

KUNCI MATI

Keduwa tokoh menegaskan prinsip bahawa "tidak kunci mati dalam silat." Setiap kunci ada cara membukanya, seperti kehidupan sendiri ada cara keluar dari setiap masalah.

Pada forum itu juga diadakan selingan persembahan silat yang tangkas lagi lincah.

Menurut Pak Edwin: "Jangan dilawan secara keras, ada di tubuh kita yang bebas dan digunakan untuk melepaskan diri. Sama dengan cara hidup, kekecewaan tidak boleh dilawan tapi difikirkan bagaimana jalan yang terbaik untuk keluar. Pasti ada jalannya."

Tambahnya, silat serupa dengan cara berniaga.

"Sebelum kita masuk bisnes, kita pelajari kemampuan diri sendiri dan sekitarnya.

"Kemudian kita pelajari cara investasi (melabur). Dalam silat, kita belajar kebolehan diri sendiri dan sekitar kita sebelum kita melangkah keluar. Setelah melangkah keluar, kita lihat dan pelajari lawan kita sebelum kita adu," ujar Pak Edwin yang mula belajar silat ketika menuntut di Universiti Gajah Mada.

Beliau pernah mengelilingi Indonesia untuk mempelajari ilmu silat termasuk di daerah Minangkabau yang terkenal.

IKATAN PESILAT

Kini, beliau dan rakan-rakannya telah menubuhkan Yayasan Sahabat Silat. Pertubuhan ini mempunyai anggota 73 perguruan silat yang tersebar di seluruh Indonesia.

Tujuannya adalah untuk melestarikan silat sebagai bahagian unsur membangun watak bangsa.



Insya-Allah dalam waktu tidak lama lagi, anggotanya boleh mencapai ratusan perguruan pencak silat, kata Encik Edwin.

Encik Edwel menegaskan bahawa sehebat-hebat pendekar pun akan lusa.

"Dan semuanya diserahkan kepada Allah, Yang Maha Berkuasa, yang Maha Menghidup dan Mematikan," katanya.

Keduwa tokoh menegaskan bahawa penting bagi rumpun Melayu, baik lelaki mahupun perempuan, mengamalkan disiplin silat, untuk kesihatan tubuh dan mental.

Sedang India menampilkan yoga yang baru-baru ini disambut dengan hari khas di seluruh dunia, silat juga boleh mendapat iktiraf serupa.

Encik Edwel akan membuka perguruan Silek Harimau Minangkabau di Singapura tidak lama lagi.

Ia akan dibuka kepada semua masyarakat Singapura yang ingin mempelajari seni silat.

Beliau sudah membuka perguruan Silek Harimau Minangkabau di luar Indonesia seperti di Perancis dan Jerman.